

SET A
BAHASA MELAYU



02/1

1 jam

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

BAHASA MELAYU
KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

02/1

02/1

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1 Pasukan Kadet Remaja Sekolah yang berbaris secara _____ dalam perhimpunan rasmi kokurikulum mendapat tepukan gemuruh.

- A sekata
- B seragam
- C serasi
- D seirama

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2 Encik Halil membungkus lalu _____ barang-barang yang hendak dibawanya untuk mengembara.

- A mengendong
- B menanggung
- C mengandar
- D memikul

3 " _____ berkenan menerima datuk menghadap," kata pegawai istana itu kepada Datuk Temenggung.

- A Patik
- B Tuanku
- C Beta
- D Beliau

02/1

02/1

- 4 Rakyat Malaysia mesti bersatu padu _____ kesejahteraan negara.
- A agar
 - B bagi
 - C oleh
 - D demi
- 5 Mak Bedah berjalan _____ selepas turun feri dari Langkawi akibat mabuk laut.
- A tersenggok-senggok
 - B tergopoh-gapah
 - C terhincut-hincut
 - D terhuyung-hayang

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Nenek yang _____ itu berjalan perlahan-lahan di belakang rumah.
- A bengkok
 - B bongkok
 - C condong
 - D serong
- 7 Hatinya tidak _____ sedikit pun apabila menerima hukuman itu.
- A bergoyang
 - B berkocak
 - C bergegar
 - D berasa

[Lihat halaman sebelah

02/1

02/1

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 8 Pelajar sekolah itu berlompatan kerana terlalu gembira di atas kemenangan pasukan bola sepak sekolah dalam pertandingan peringkat kebangsaan. Tiada kesalahan.
A B C D
- 9 Sultanah Zanariah akan berangkat untuk bercemar duli dalam majlis jamuan diraja yang akan diadakan di sebuah hotel terkemuka. Tiada kesalahan.
A B C D
- 10 Untuk sampai ke tapak perkhemahan, pasukan pengakap sekolah itu perlu merentas hutan dengan memandu peta dan kompas. Tiada kesalahan.
A B C D
- 11 Golongan pelajar digalakkan menyertai berbagai kegiatan kokurikulum untuk memupuk semangat bekerjasama. Tiada kesalahan.
A B C D
- 12 Kenderaan-kenderaan di Jalan Langgar menyimpang ke tepi bila mendengar siren ambulans. Tiada kesalahan.
A B C D
- 13 Pasukan tentera telah menemukan dua orang peserta ekspedisi yang tersesat semasa menjalani aktiviti mendaki gunung. Tiada kesalahan.
A B C D

02/1

- 14 Dave membuatkan kumpulannya replika bangunan untuk memperoleh markah tertinggi dalam mata pelajaran Sejarah. Tiada kesalahan.
- A B
C D

Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Peguam itu menyifatkan tuduhan itu sebagai tuduhan yang *lewat*.
II Musim menuai padi di daerah Pendang sudah *lewat*.
III Di tepi sungai itu duduk seorang lelaki yang sudah agak *lewat* usianya.
IV Aishah telah lama menunggu emaknya yang *lewat* pulang.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16 I Dia meronta-ronta sekuat tenaga tetapi tidak juga *lepas*.
II Mereka tidak *lepas* daripada menghadapi pancaroba kehidupan.
III *Lepas* makan tengah hari, bolehlah kita berjalan-jalan.
IV Keterangan yang telah diberikan itu tidak begitu *lepas*.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 17 I Adik *angin* bajunya yang basah itu.
II Ada *angin* yang dia akan datang ke mari.
III Perutnya kurang sedap kerana masuk *angin*.
IV Dia itu ada *angin*, kadang-kadang riang, kadang-kadang muram.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

[Lihat halaman sebelah

02/1

02/1

Soalan 18 – 21

*Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.*

*Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.*

18 Antara aktiviti kokurikulum yang diminati Ai Lin, termasuklah sukan ragbi.

- A Antara aktiviti kokurikulum yang Ai Lin minati
- B Antara aktiviti-aktiviti kokurikulum yang Ai Lin minati
- C Antara aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diminati Ai Lin
- D Antara aktiviti kokurikulum yang diminati Ai Lin

19 Dia menceburi diri dalam bidang perniagaan sejak tahun lepas.

- A menceburkan diri dalam bidang
- B menceburi dalam bidang
- C mencebur bidang
- D menceburi diri dalam bidang

20 Kami telah berjalan lebih dari dua setengah kilometer.

- A dari dua kilometer setengah.
- B daripada dua kilometer setengah.
- C daripada dua setengah kilometer.
- D dari dua setengah kilometer.

21 Semua gula-gula yang dibeli oleh saya sudah saya berikan kepada adik.

- A Gula-gula yang saya belikan
- B Gula-gula yang dibeli oleh saya
- C Semua gula-gula yang saya beli
- D Semua gula-gula yang dibeli oleh saya

02/1

02/1

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **"Kalau awak ada masa lapang petang ini, datanglah ke rumah saya di Taman Satria," kata Aiman kepada Hafiz.**
- A Aiman mengajak Hafiz datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang ini kalau Aiman ada masa lapang.
 - B Aiman berkata kepada Hafiz bahawa sekiranya awak ada masa lapang, datanglah ke rumahnya di Taman Satria.
 - C Hafiz dipelawa oleh Aiman supaya datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang itu jika dia ada masa lapang.
 - D Hafiz memberitahu Aiman bahawa dia akan datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang ini jika dia kelapangan.
- 23 **Walaupun sudah sebulan tinggal di asrama, Ainun masih belum dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang serba baharu itu.**
- A Penyesuaian diri di asrama belum berlaku kepada Ainun walaupun dia sudah sebulan tinggal di tempat yang serba baharu itu.
 - B Kehidupan serba baharu di asrama selama sebulan menyebabkan Ainun belum dapat menyesuaikan diri.
 - C Ainun masih belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekelilingnya yang serba baharu walaupun sudah sebulan tinggal di asrama.
 - D Sebulan tinggal di asrama yang serba baharu belum mencukupi untuk Ainun menyesuaikan diri.
- 24 **Patrick gagal mempertahankan kejuaraan yang telah dipegang selama tiga tahun berturut-turut.**
- A Tiga tahun berturut-turut Patrick gagal mempertahankan kejuaraan yang dipegangnya.
 - B Kejuaraan Patrick selama tiga tahun akan dipertahankan tiga tahun berturut-turut.
 - C Selama tiga tahun berturut-turut Patrick memegang kejuaraan tanpa dipertahankan.
 - D Kejuaraan yang dipegang oleh Patrick selama tiga tahun berturut-turut tidak dapat dipertahankannya.

[Lihat halaman sebelah

02/1

02/1

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Pemandangan di Kulim indah nian pada waktu malam.
II Encik Hamidon sangat sayang akan anak-anaknya.
III Pemain itu yang dikatakan paling handal sekali.
IV Inilah menara yang tertinggi sekali di Malaysia.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 26 I Kelima orang anak Encik Raju berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.
II Pihak pengurusan sekolah sedang membincangkan tentang masalah ini.
III Sepanjang perjalanan, mereka tidak putus-putus berjenaka.
IV Amboi, cantiknya baju Swee Lan!
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 27 I Pengemis itu tidur berbantalkan dengan lengan.
II Pembungkus makanan itu melakukan kerja dalam keadaan yang bersih.
III Bomoh itu meletakkan kemenyan ke dalam perasap.
IV Pengembara sesat itu tiba di sebuah perkampungan orang asli.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

02/1

02/1

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

Arang habis besi binasa

- 28 Peribahasa di atas bermaksud
- A Pekerjaan yang sia-sia.
 - B Pemberian yang tidak berfaedah.
 - C Memberi pertolongan kepada orang yang memerlukannya.
 - D Berusaha untuk mencari ilmu dengan tidak berhenti-henti.
- 29 Aida amat gembira apabila suaminya menghadiahkan seutas rantai walaupun dia hanya mengharapkan sebetuk cincin sahaja. Keadaan ini diibaratkan
- A Orang mengantuk disorongkan bantal.
 - B Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.
 - C Pucuk dicita ulam mendatang.
 - D Pungguk merindukan bulan.
- 30 Peribahasa yang manakah **tidak** membawa maksud orang yang tamak?
- A Yang dikejar tak dapat, yang dikandung berciciran.
 - B Seperti anjing dengan bayang-bayang.
 - C Alah membeli menang memakai.
 - D Seperti Belanda minta tanah.

[Lihat halaman sebelah

02/1

02/1

Soalan 31 – 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Waktu subuh di kampung begitu hening dengan kesyahduan suara azan Bilal Zaman. Kehadiran fajar pula disambut dengan bunyi kokok ayam sahut-menyahut. Segalanya menyegarkan jiwa dan menenangkan perasaan.

Surat daripada ibu kubaca sekali lagi....

“Anakanda Amira yang manis,

Ibu mendoakan siang dan malam agar Mira dan adik-adik sentiasa dilindungi Allah dengan segala keberkatan-Nya, menjadikan Mira anak yang solehah, yang menghormati kedua-dua ibu bapanya. Ibu tahu Mira merindui ibu dan ayah dan segala kemesraan yang selalu kita lalui bersama-sama. Kami di sini juga merasai sebagaimana yang Mira rasakan, malah ibu yang melahirkan dan membesarkan Mira lebih tertikam dengan sembilu rindu yang tidak tertahan peritnya. Baik ibu mahupun ayah, kami menahan segala keperitan dengan segala tabah hati dan doa yang tidak putus-putus daripada hati dan jiwa raga kami. Masa depan Mira lebih penting daripada segala-galanya.

Mira mungkin masih tertanya-tanya tentang keputusan ibu menghantar Mira dan adik-adik untuk tinggal bersama-sama nenek di kampung. Hampir setahun ibu menyimpan jawapan untuk menjelaskan keadaan yang sebenar. Kini tibalah masa yang sesuai, setelah ibu meneliti dan menilai keadaan Mira sekarang.

Mira sayangku,

Gejala sosial yang hebat melanda masyarakat kota seperti dadah, budaya lepak, bohsia atau lebih teruk sekali kes buang bayi begitu menghantui dan menakutkan ibu. Biarpun ibu dan ayah telah berusaha mendidik Mira dengan didikan agama, tetapi perasaan bimbang masih bersarang dalam hati ibu. Ibu takut angin keruntuhan moral ini akan mempengaruhi Mira secara perlahan-lahan. Pengaruh rakan-rakan sebaya dalam pergaulan seharian, atau suasana persekitaran ialah satu sebab gejala ini boleh berlaku. Mira masih terlalu muda untuk membuat pertimbangan baik buruknya suatu keadaan. Corak pergaulan dan persekitaran di kampung ternyata masih yang terbaik kerana masih mengekalkan amalan dan ciri-ciri hidup masyarakat berharmoni.

02/1

02/1

Ibu juga mengimpikan anak-anak yang soleh, yang mampu menghargai kasih sayang dan pengorbanan orang tuanya. Di kampung, Mira lebih terdedah kepada nilai-nilai moral bercirikan keagamaan. Mira akan dapat mempelajari al-Quran dan mendalami agama dengan datuk atau nenek.

(Dipetik daripada cerpen *Warkah daripada Ibu*, antologi Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

31. Bagaimanakah suasana di kampung tempat Mira tinggal?
- A Subuh yang sunyi sepi.
 - B Bising dengan bunyi kenderaan.
 - C Riu rendah dengan bunyi ayam.
 - D Menyegarkan jiwa dan menenangkan perasaan.

sembilu rindu

32. Frasa di atas mempunyai unsur gaya bahasa
- A metafora.
 - B personifikasi.
 - C perlambangan.
 - D sinkope.
33. Mengapakah ibu menghantar Mira dan adik-adiknya tinggal di kampung?
- A Kehidupan di kampung masih mempunyai nilai-nilai murni agama.
 - B Persekitaran kampung yang mempunyai masyarakat harmoni.
 - C Kehidupan bersama-sama datuk dan nenek lebih terjamin.
 - D Untuk mendalami agama dengan datuk dan nenek di kampung.
34. Antara yang berikut, manakah perwatakan ibu berdasarkan petikan cerpen?
- A Tegas.
 - B Prihatin.
 - C Penyayang.
 - D Lemah lembut.

[Lihat halaman sebelah

02/1

02/1

35. Persoalan yang terdapat dalam cerpen di atas ialah
- A gejala sosial yang banyak terdapat di bandar-bandar besar.
 - B impian ibu bapa untuk mendapat anak yang soleh.
 - C kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak.
 - D masyarakat kampung yang harmoni.

Soalan 36 - 40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Orang Tua
Puspa Rani a/p Munusamy**

Nampakkah kau
wanita tua di tepi jalan
mukanya comot rambutnya kusut
membawa bersamanya beg usang
berjalan ke sana ke mari
tanpa suatu destinasi.

Nampakkah kau
telaki tua di hujung jalan
kemejanya kotor seluarnya rabak
duduk di sudut tangga
menunggu sisa makanan restoran mamak
untuk mengalas perut yang kosong.

Nampakkah kau
darah berlumuran di jalan raya
mayat si tua dibiarkan di situ
dan
di bilik mayat pula
tiada siapa datang menuntutnya.

Nampakkah ia sepertimu
mereka juga dicipta oleh-Nya
tetapi bezanya mereka diabaikan
ditinggalkan
oleh anak-anak jahil tidak berbudi
nampakkah kau?

(Dipetik daripada antologi Harga Sebuah Lukisan,
Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

02/1

02/1

36. Bagaimanakah keadaan lelaki tua seperti yang digambarkan dalam rangkap kedua?

- A Dibiarkan berlumuran darah di jalan raya.
- B Ditinggalkan anaknya di hujung jalan.
- C Duduk dalam keadaan tidak terurus dan lapar.
- D Berjalan dengan muka yang comot- momot.

Nampakkah kau

37. Perulangan frasa di atas dalam rangkap satu, dua dan tiga merupakan gaya bahasa

- A inversi.
- B anafora.
- C repetisi.
- D metafora.

38. Apakah punca yang menyebabkan warga tua diabaikan?

- A Warga tua tidak mempunyai harta.
- B Warga tua yang selalu sakit.
- C Anak-anak yang tidak mengenang budi.
- D Anak-anak yang sibuk bekerja.

39. Nada bagi sajak Orang Tua ialah

- A sinis.
- B protes.
- C romantik.
- D melankolik.

40. Berdasarkan sajak ini, pengajaran yang dapat dipetik ialah

- A kita hendaklah menjadi anak yang bijaksana.
- B kita hendaklah membalas budi kedua-dua ibu bapa kita.
- C kita hendaklah berlaku adil terhadap ibu bapa kita.
- D kita hendaklah memberi kemewahan kepada kedua-dua ibu bapa.

KERTAS SOALAN TAMAT

02/1